

## **Persekutaran pembelajaran kemahiran hidup bersepadu serta hubungannya dengan kemahiran amali pelajar**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu(KHB) serta hubungannya dengan kemahiran amali pelajar. Tinjauan telah dijalankan ke atas 310 orang pelajar KHB tingkatan dua di lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan di zon tengah Shah Alam, Selangor. Responden dipilih secara persampelan rawak mudah. Data diperolehi berasaskan soal selidik daripada kajian berbentuk tinjauan. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan frekuensi, peratusan, min, sisihan piaawai dan Korelasi Pearson. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap persekitaran pembelajaran ( $M= 3.77$ ,  $SP= 0.40$ ) bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup. Daripada analisis data, dapatkan menunjukkan tahap kemahiran amali pelajar adalah tinggi iaitu 3.96 dan sisihan piaawai 0.51. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan kemahiran amali pelajar adalah signifikan ( $r= 0.575$ ,  $p < 0.01$ ). Justeru, dapatkan ini menunjukkan pelajar yang berpersepsi baik terhadap persekitaran pembelajaran matapelajaran KHB juga berkemahiran amali yang tinggi.

**Katakunci:** Persekutaran pembelajaran; Kemahiran amali; Pengurusan pembelajaran